

## **BAB IV**

### **HASIL SUMBANGAN TOKOH**

#### **1- SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM**

Dato Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman sememangnya amat terkenal dan sangat harum namanya di dalam bidang pendidikan Islam di zamannya. Ini adalah kerana beliau banyak membuat pembaharuan di dalam bidang pendidikan Islam ini. Beliau juga adalah seorang yang sangat berani melakukan perubahan terhadap pendidikan Islam di negeri Kedah terutamanya di Maktab Mahmud dengan menambah subjek- subjek akademik ke dalam sistem kurikulumnya yang tidak pernah dilakukan oleh sesiapa pun jua di zamannya pada ketika itu walaupun digelarkan sekolah itu adalah sekolah sekular ataupun duniawi.

212

Walaupun beliau ditohmah dan disindir oleh kawan-kawan seperjuangan di zamannya itu, namun beliau sedikitpun tidak mempedulikannya. Beliau terus mengorak langkahnya tanpa menoleh ke belakang lagi dengan mengatur perancangan serta strateginya untuk tetap memodenkan Maktab Mahmud sesuai dengan aspirasi zamannya ketika itu serta tuntutan pada masa akan datang.<sup>213</sup>

---

<sup>212</sup> Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

<sup>213</sup> Ghazali bin Yaacob, Setiausaha Zakat Negeri Kedah, Temubual pada 29 November 2009.

## **1.1 Membawa Pembaharuan Dalam Sistem Pendidikan Di Maktab Mahmud**

Masyarakat Islam di negeri Kedah dan sekitarnya mengetahui bahawa sekolah Maktab Mahmud ini adalah sekolah yang beraliran agama maka, seluruh silibus dan subjeknya akan menjurus ke arah itu dengan memberi penekanan yang sangat lengkap dari awal hingga ke hujungnya dari kecil ataupun besar. Namun begitu apabila peralihan tumpuk kepimpinan diambil alih oleh Dato Syeikh Abdul Halim maka pembaharuan dilakukan oleh beliau.

Matapelajaran di Maktab Mahmud pula bukan lagi tertumpu kepada bahasa Arab sahaja, akan tetapi Dato Syeikh Abdul Halim telah memperkenalkan matapelajaran akademik lain seperti ilmu hisab, ilmu alam, geometri dan algebra ke dalam silibus sebagai tambahan kepada subjek yang sedia ada serta diajar dan dipelajari dalam bahasa Arab.

Banyak kemajuan yang telah dilaksanakan oleh Dato Syeikh Abdul Halim di Maktab Mahmud. Pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan merangkumi segenap aspek iaitu keseimbangan daripada sudut agama, akademik dan aktiviti kokurikulumnya. Maktab Mahmud terkenal sebagai sebuah institusi pengajian ilmu yang berorientasikan ilmu agama, akademik, ilmu agama Islam dan bahasa Arab yang termoden di negara ini dari dahulu sehingga kini. Juga tidak ketinggalan dalam bidang kokurikulumnya seperti bersukan dan juga berpersatuan.<sup>214</sup>

---

<sup>214</sup> Abdul Majid bin Mohd Noor, bekas Mufti dan Mursyid Di Raja Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

Namun, segalanya telah berubah apabila Jepun telah menduduki bandar Alor Setar pada 14 Disember 1941. Perang Asia Timur Raya yang dibawa oleh Jepun membawa malapetaka dan penderitaan kepada rakyat. Bangunan Maktab Mahmud telah dijadikan ibu pejabat tentera Jepun dan rumah sakit tentera. Kemudian bangunannya digunakan pula oleh tentera Thai yang diamanahkan oleh Jepun untuk memerintah Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu dari tahun 1943 hingga 1945. Segala perkakas dan peralatan sekolah telah hilang dan rosak binasa.

Walaubagaimanapun, sejak tahun 1942 hingga 1945 Maktab Mahmud tetap berfungsi dengan menggunakan bangunan Pejabat Zakat di Jalan Liku Alor Setar dan juga menumpang bangunan Sekolah Melayu Sungai Korok Baru di Jalan Pegawai yang terletak tidak jauh dari Maktab Mahmud yang asal.<sup>215</sup>

## **1.2 Mengangkat Taraf Maktab Mahmud Sebagai Sekolah Agama Internasional**

Sejarah telah mencatatkan kepada kita bahawa, Dato Syeikh Abdul Halim telah membawa dan mengangkat Maktab Mahmud di persada kejayaan dan kecemerlangan. Beliau juga adalah merupakan perintis yang telah mengharumkan nama Maktab Mahmud dan juga nama negeri Kedah di peringkat antarabangsa pada zaman pemerintahan beliau, dan begitulah sekarang ini.

Hasil daripada kebijaksanaan beliau, Universiti al-Azhar telah menerima masuk pelajar-pelajar lulusan daripada Maktab Mahmud belajar di pusat pengajian tinggi tersebut,

---

<sup>215</sup> Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

dan dapat terus masuk ke tahun satu, dengan hanya menggunakan sijil atau Syahadah Maktab Mahmud, dan telah mendapat pengiktirafan daripada Universiti al-Azhar. Namun begitu pengiktirafan itu telah terputus apabila Jepun telah menyerang Tanah Melayu.<sup>216</sup>

### **1.2.1- Menambah Sukatan Kurikulum**

Masyarakat Islam di negeri Kedah dan kawasan kejiranannya telah mengenali bahawa Maktab Mahmud adalah lanjutan daripada sekolah beraliran pondok, yang mana telah diasaskan oleh Tuan Guru Haji Wan Sulaiman Bin Wan Sidik yang bermula di Pondok Limpong Kapal, dan kemudiannya menjadi Maktab Mahmud setelah berpindah ke Simpang Kuala. Pondok Limpong Kapal adalah sekolah pondok yang berjaya pada ketika itu sepetimana sekolah- sekolah pondok yang semasa dengannya yang beroreintasikan kaedah pengajaran secara tradisional.

Apabila Dato Syeikh Abdul Halim mengambil alih tumpuk kepimpinan sebagai pengetua Maktab Mahmud, beliau merasakan bahawa subjek dan matapelajaran di Maktab Mahmud perlu ditambah agar sejajar serta seiring dengan zaman dan peredaran masa. Beliau juga mengharapkan agar Maktab Mahmud dapat melahirkan ilmuan yang berwibawa sesuai dengan tuntutan dunia dan juga akhirat pada suatu masa yang akan datang.

Maka dengan kepintaran yang ada kepada Dato Syeikh Abdul Halim, beliau telah menambah sukatan akademik seperti matematik, algebra, ilmu alam, ilmu hisab dan ilmu

---

<sup>216</sup> Khalid bin Abdullah, bekas Pengerusi Utusan Malaysia, Temubual pada 25 November 2009.

geometri sebagai memperlengkapan serta memperkemaskan kepada ilmu yang telah sedia ada dalam sukanan matapelajaran Maktab Mahmud.

### **1.2.2 Menubuhkan al- *Qismu al-Aliyy* ( Jabatan Pendidikan Tinggi )**

Maktab Mahmud adalah merupakan pusat perkembangan ilmu pengetahuan, pusat perkembangan agama Islam, seterusnya berfungsi sebagai pusat dakwah di negeri Kedah Darul Aman. Maktab Mahmud ini, telah berjaya melahirkan kader-kader agama, pendakwah-pendakwah agama, teknokrat agama, ahli korporat agama, jurutera-jurutera agama, penasihat-penasihat agama dan pelbagai lagi.

Pelajar-pelajar Maktab Mahmud adalah meliputi daripada seluruh Malaysia dan bukannya bertumpu hanya anak-anak watan negeri Kedah sahaja sebagai contohnya kita mengenali Dato' Dr Ismail Ibrahim bekas pengarah IKIM<sup>217</sup> yang mana beliau adalah salah seorang bekas pelajar Maktab Mahmud yang berasal dari Pulau Pinang bahkan beliau juga adalah anak murid kepada Dato' Syeikh Abdul Halim.<sup>218</sup>

Pelajar-pelajar lulusan Maktab Mahmud ini akan diberikan *syahadah*. Sijil atau *syahadah* ini telah diiktiraf oleh Universiti al-Azhar Mesir, yang mana *syahadah* ini akan melayakkan setiap pelajar tersebut memasuki Universiti al-Azhar di tahun satu. Pada zaman Dato' Syeikh Abdul Halim dan tahun sebelumnya, mereka terpaksa masuk ke

---

<sup>217</sup> IKIM adalah singkatan kepada Insititut Kefahaman Islam Malaysia.

<sup>218</sup> Harun bin Haji Mohd Hashim, Pengurus Persatuan Pesara-pesara Malaysia Kedah, Temubual pada 13 Februari 2010.

sekolah menengah al- Azhar terlebih dahulu sebelum diterima masuk ke tahun satu di Universiti al- Azhar.

Namun begitu masyarakat Islam di negeri Kedah mengetahui bahawa pelajar-pelajar Maktab Mahmud ini bukannya datang daripada kalangan keluarga yang kaya dan berada, dengan itu hanya seorang dua sahaja yang dapat melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat ijazah terutamanya di Universiti al- Azhar.

Oleh itu, dengan kepintaran dan kebijaksanaan Dato Syeikh Abdul Halim sebagai mudir Maktab Mahmud ketika itu, beliau telah menujuhkan Jabatan *al- Qismu al-Aliyy* di Maktab Mahmud yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar Maktab Mahmud ini menyambung pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi dengan tidak perlu pergi ke Universiti al- Azhar. Ini adalah salah satu cara yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia ketika ini, melalui Kementerian Pengajian Tinggi yang disebut sebagai “ Twining Education Programme”.<sup>219</sup>

Idea yang telah dicernakan oleh Dato’ Syeikh Abdul Halim ini telah mendahului zamannya pada waktu itu, kerana baru sekarang ini sistem gabungjalin dalam pengajian peringkat Universiti secara berkembar “ Twin Education Programme ” diperkenalkan, ianya sedang rancak dilaksanakan di dalam negara kita sekarang ini sebagai contohnya, KUIN (Kolej Universiti Insaniah). Sedangkan idea ini telahpun dilakukan dan dilaksanakan oleh Dato’ Syeikh Abdul Halim sewaktu zamannya. Dikatakan juga oleh anak-anak murid

---

<sup>219</sup> Official Portal of Ministry of Higher Education,  
[http://www.portal.mohe.gov.my/portal/page/portal/ExtPortal/Agencies/Education\\_Cost/Twinning\\_Degree\\_Program](http://www.portal.mohe.gov.my/portal/page/portal/ExtPortal/Agencies/Education_Cost/Twinning_Degree_Program), 12 Disember 2010.

Dato' Syeikh Abdul Halim sendiri bahawa idea penubuhan KUIN ( Kolej Universiti Insaniah ) ini sebenarnya adalah merupakan hasil pemikiran Dato' Syeikh Abdul Halim yang telah direalisasikan oleh anak- anak muridnya.<sup>220</sup>

### **1.2.3 Mengaktifkan Bidang KoKurikulum**

Dalam bidang kokurikulum ini juga telah memperlihatkan bagaimana kebijaksanaan Dato Syeikh Abdul Halim dalam memimpin Maktab Mahmud yang telah ditunjukkan kepada generasi waktu itu dan kepada generasi sekarang ini. Maktab Mahmud digeruni dan dihormati oleh kawan dan juga institusi yang semasa dengannya.

Di dalam bidang sukan bolasepak umpamanya, sekolah agama Maktab Mahmud adalah pasukan bolasepak yang sangat kuat di negeri Kedah. Pasukan bolasepak ini adalah di bawah bimbingan Dato Syeikh Abdul Halim sendiri. Beliau akan turun di padang sekolah berlatih bersama-sama dengan pemain-pemain bolasepak dengan diselitkan nasihat, perancangan, strategi, taktik dan juga motivasi agar pasukan bolasepak Maktab Mahmud mendapat kejayaan dan kemenangan apabila berlawan.

Ternyata pasukan bolasepak Maktab Mahmud mendapat kejayaan dan juga kemenangan yang berganda hasil didikan yang ditunjukkan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim kerana pasukan bolasepak Maktab Mahmud telah berjaya menjadi juara liga di negeri Kedah pada waktu itu. Dato' Syeikh Abdul Halim adalah seorang yang suka bermain permainan bolasepak. Beliau sendiri adalah seorang pemain bola sepak yang handal dan

---

<sup>220</sup> Abdul Majid bin Mohd Noor, Bekas Mufti Negeri Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

menjadi kebiasaan untuk turun ke padang dan bermain dengan pelajar-pelajar yang sedang berlatih. Mengikut Dato' Syeikh Mahmud Naim,<sup>221</sup> Dato' Syeikh Abdul Halim pernah bermain bolasepak dengan pasukan "Zamalik"<sup>222</sup> di Kaherah, Mesir semasa beliau berada di sana.

Pada zamannya Maktab Mahmud dipilih untuk bermain di dalam liga yang telah diaturkan oleh Persatuan Bolasepak Kedah (KFA) dan pasukan Maktab Mahmud tidak boleh dipandang sebagai pasukan budak-budak sekolah oleh pasukan lain. Mengikut Dato' Syeikh Abdul Majid Muhamad Nur bukan calang-calang pasukan yang boleh mengatasi Maktab Mahmud. Di antara pemainan yang lain yang telah diperkenalkan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim di Maktab Mahmud ialah :

- 1- Hoki
- 2- Badminton
- 3- Pingpong
- 4- Sepak Takraw.

Antara aktiviti-aktiviti lain yang diperkenalkan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim yang telah disertai oleh pelajar- pelajar Maktab Mahmud ialah Persatuan Pengakap, kumpulan-kumpulan Pengakap Belia, Pengakap Kanan dan Pengakap biasa. Ianya ditubuhkan sendiri oleh pelajar- pelajar dan Dato' Syeikh Abdul Halim menguruskan supaya guru- guru daripada Persatuan Pengakap Negeri dan Daerah datang ke Maktab Mahmud memimpin persatuan pengakap yang telah diwujudkan. Tuan Syeikh Muhsin Haj

---

<sup>221</sup> Beliau adalah bekas anak murid Dato' Syeikh Abdul Halim, dan bekas Setiausaha Zakat negeri Kedah.

<sup>222</sup> Nama pasukan bolasepak kebangsaan Mesir.

Saleh bekas Mufti Wilayah Persekutuan dan Tuan Haji Abdul Wahid Hasan Pengurus Besar Siaran Press di Alor Setar adalah di antara bekas- bekas Pengakap Diraja yang dilahirkan oleh Maktab Mahmud. Antara guru pengakap yang berinteraksi di Maktab Mahmud ialah guru- guru dari Kolej Sultan Abdul Hamid, dari Sekolah St.Michael dan dari ibu pejabat Pengakap Negeri.

Sehingga kini persatuan pengakap Maktab Mahmud sangat berjaya di dalam melahirkan ahli- ahlinya untuk mendapat gelaran Pengakap Diraja. Persatuan pengakap Maktab Mahmud juga adalah sangat digeruni oleh persatuan pengakap sekolah- sekolah yang ada di negeri Kedah. Sebab dan keistimewaannya adalah, ahli pengakap Maktab Mahmud ini berdisiplin, bersemangat, berwatak kepimpinan, mempunyai saksiahan yang baik seterusnya banyak memenangi acara dalam pertandingan yang telah dipertandingkan.<sup>223</sup>

Selain daripada itu, diperkenalkan pula kegiatan berdrama (pertunjukan pentas), berbahas, bersyarah, bersyair, berzANJI dan bernasyid. Di samping itu, Dato' Syeikh Abdul Halim memperkenalkan juga ilmu berkebun, menjaga kebersihan, bersukan, beriadah dan menggunakan perpustakaan serta menggalakkan pelajar-pelajar membaca selain daripada kitab- kitab agama.

Majlis-majlis syarahan dan perbahasan mendapat sambutan hangat dan menggalakkan. Pensyarah- pensyarah daripada luar dijemput berceramah dan berdialog

---

<sup>223</sup> Mohd Jamil bin Haji Abdullah, Pengurus Persatuan Pengakap Negeri Kedah Temubual pada 27 September 2009.

dengan pelajar-pelajar. Di antara tajuk yang pernah dibincangkan oleh pelajar-pelajar dalam tahun 1950-an ialah seperti, “ Bilakah Malaya Akan Layak Berkerajaan Sendiri?”. Tajuk ini dijadikan *maudu*<sup>224</sup> penulisan eseи di dalam kelas dan banyak pendapat- pendapat yang bernalas dan di luar dugaan guru- guru timbul dalam karya- karya pelajar pada masa itu.

Persatuan Pengakap Maktab Mahmud



Pasukan Bolasepak Maktab Mahmud



Sumber : Harun bin Haji Mohd Hashim, Persatuan Pesara-pesara Malaysia Kedah

---

<sup>224</sup> Perkataan Arab yang bermaksud “tajuk”.

Pelakun2 drama "Jalan Pulang" bergambar bersama2  
Oscar kemenangan.



Kiri ka-kanan:

Barisan depan: Pelakun2 Yaakub Ali, Shamsuddin Osman, (Pelakun utama pengarah dan penulis skrip), Saad Ahmad, A. Wahab Awang Teh.

Barisan belakang: Mohamad Hj. Ismail S/usaha Pengurus,  
Enche Hussain Yaakub Guru Penglola, Mansor Ali Juru-solek.



Para2 Pelakon Drama Maktab Mahmud.

Sumber : Majalah Ilham 1968

Pelajar-pelajar dari Maktab Mahmud hasil didikan Dato' Syeikh Abdul Halim dan rakan-rakan sejawat yang seperjuangan dengannya telah melahirkan benih-benih kepimpinan dan pemimpin-pemimpin masyarakat, pegawai-pegawai serta kakitangan kerajaan negeri yang cekal, amanah dan berdisiplin serta beragama. Maka ini akan dapat memberikan keuntungan kepada Negara Malaysia yang amat kurang dengan tokoh yang berwibawa dalam aspek kepimpinan.

Dato' Syeikh Abdul Halim menegaskan bahawa perhubungan seseorang individu dengan masyarakat hendaklah positif iaitu bekerja dan berusaha, membawa faedah dan manfaat kepada dirinya dan kepada masyarakat dan bukannya perhubungan negatif iaitu membuang dunia. “Kita jangan menjadi umat Islam yang kufur akan nikmat Allah s.w.t”, ujar beliau.

Pembaharuan dan kemajuan yang dibawa oleh Dato' Syeikh Abdul Halim ke Maktab Mahmud sejak 1937 hingga berakhir perkhidmatannya di situ pada tahun 1954 amatlah mengagumkan, khususnya di dalam dunia pendidikan di peringkat negeri Kedah. Beliau telah merancang, menyusun serta menyeragamkan satu silibus yang sama digunakan di setiap sekolah agama yang wujud di negeri Kedah dan ideanya telah berjaya dilaksanakan.

Pelajaran-pelajaran selain daripada pelajaran agama dan ilmu untuk memperhaluskan bacaan al-Quran dan pelajaran bahasa Arab, matapelajaran seperti bahasa Inggeris, pergaulan dan pengetahuan umum diperkenalkan juga di Maktab Mahmud.

Perkara ini adalah sesuatu yang tidak pernah diimpikan wujud di sebuah pusat Pengajian Islam pada zaman itu.<sup>225</sup>

## **2. SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PENTADBIRAN ISLAM**

### **2.1 Persatuan Ulama Negeri Kedah**

Persatuan Ulama Kedah merupakan satu-satunya forum para Ulama negeri ini yang ditubuhkan buat pertama kalinya di Kedah. Golongan mereka inilah yang mempelopori dan mencetuskan reformasi baik dalam bidang agama, politik, sosial ataupun ekonomi ke arah yang dikehendaki dan dituntut oleh agama Islam. Dato' Syeikh Abdul Halim telah memainkan peranannya yang agresif dengan mengheret alim ulama di Kedah untuk menunaikan tanggungjawab mereka terhadap nasib agama, bangsa dan tanahair.

Penubuhan persatuan ini dibincangkan pada petang 30 Mei 1946 setelah selesai rapat umum di Padang Court. Pada tahun 1946 itu juga, para ulama di negeri Kedah turut terlibat dengan peristiwa penentangan terhadap Malayan Union, maka pada waktu dan detik itulah lahirnya Persatuan Ulama Kedah dan Kesatuan Melayu Kedah yang dipimpin oleh Dato' Syeikh Abdul Halim Haji Othman. Beliau telah membuat undangan dan jemputan kepada seluruh ulama di Kedah supaya menujuhkan Persatuan Ulama Kedah. Kesedaran ini adalah lahir daripada beliau sendiri, dan perbincangan mereka itu berlangsung dengan

---

<sup>225</sup>Mohd Jamil bin Haji Abdullah, Pengerusi Persatuan Pengakap Negeri Kedah, Temubual pada 27 September 2009.

penuh semangat di Maktab Mahmud di mana Dato' Syeikh Abdul Halimlah pengetuanya pada waktu itu.<sup>226</sup>

Dato Syeikh Abdul Halim Haji Othman Menubuhkan Persatuan Ulama Kedah

**BULANINI DALAM SEJARAH**  
Oleh WAN SHAMSUDIN MOHD YUSOF

## Persatuan Ulama Kedah diasaskan

**IDEA** untuk melahirkan Persatuan Ulama Kedah (PUK) adalah datang dari Syeikh Abdul Halim Othman (Dato'), bekas pelajar dan Pengetua Maktab Mahmud, Alor Setar dan rakaninya Haji Abdulilah Abbas Nasution (Tanjung Pauh) yang motif utamanya untuk menjaga keluhuran dan kesucian agama Islam di samping mempelopori gerakan reformasi agama, politik, sosial dan ekonomi masyarakat Melayu. Sesudah berakhirnya perhimpunan raksasa menghadang gagasan Malayan Union di Alor Setar pada 19 Januari 1946 di sebelah pagi, maka di sebelah petang para ulama telah berkumpul di Maktab Mahmud untuk mengambil keputusan menubuhkan PUK. Dari situ lah akhirnya pada 9 Februari 1946, PUK diasaskan dengan rasminya. Walaupun pendaftarannya diluluskan pada 9 Januari 1953 tetapi aktivitinya telah bermula sejak tarikhnya diasaskan. Haji Hussain Che Dol (Guar Chempedak) salah seorang Jawatankuasa Penaja PUK telah dilantik sebagai Yang Dipertua (1946-1949) bersama Ahli Jawatankuasanya seramai 19 orang. Mereka termasuklah Haji Abdul Rahman Abdullah (Merbok), Haji Yahya Junid (Padang Lumat), Syeikh Salleh Shamsudin (Simpang Kuala), Ustaz Ismail Said (Anak Bukit), Syeikh Saad Said (Kota Tanah), Syeikh Othman Yunus (Bukit Besar), Haji Ahmad Tuan Hussain (Padang Lumat) dan Haji Ahmad Othman (Kodiang). Syeikh Abdul Halim dilantik sebagai Pengurus Majlis Pelajaran PUK dan berjaya menyatukan Sekolah-sekolah Agama Rakyat seluruh Kedah.



● Allahyarham Dato' Syeikh Abdul Halim Othman - Insan Muzium Negeri Kedah,

Sumber : Bulan ini dalam sejarah, Buletin Kedah

Penubuhan Persatuan Ulama Kedah merupakan salah satu petanda yang jelas tentang kesedaran berpolitik di kalangan para Ulama di negeri Kedah ini. Motif pergerakan

<sup>226</sup> Wan Shamsuddin Bin Mohd Yusof (t.t), "Sejarah Islam di Kedah : Hubungan dan Peranan Kesultanan Kedah Dalam Perkembangannya", (Seminar Perkembangan Islam Negeri Kedah Darul Aman Sempena Perayaan Sambutan Jubli Emas Pemerintahan 50 Tahun KDYMM Tuanku Sultan Kedah), Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman Dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman, h. 8.

persatuan ulama adalah untuk menggerakkan semangat perjuangan bagi mengembalikan hak asasi orang Melayu yang berlunaskan Islam.

Di antara tahun 1946 hingga 1953, PUK<sup>227</sup> telah berjaya mengumpul 1170 orang ahli. Di antaranya ialah ulama dari Perlis, Pulau Pinang, Perak dan Negeri Sembilan yang kebanyakannya pernah belajar agama dan menimba ilmu agama di Kedah serta pernah menjadi murid kepada Dato' Syeikh Abdul Halim sendiri.

Selepas setahun Maktab Mahmud menjadi markas Persatuan Ulama Kedah, arahan telah dikeluarkan oleh Pejabat Syariah supaya pejabat PUK dipindahkan. Pejabat PUK yang baru ialah di Sekolah Agama Padang Lumat, Guar Cempedak, yang tidak terikat dengan Pejabat Syariah.<sup>228</sup>

Persatuan Ulama Kedah memulakan kegiatan menggalakkan kerjasama antara sekolah-sekolah agama rakyat seluruh negeri. Dato' Syeikh Abdul Halim telah diamanahkan untuk menjadi Pengurus Majlis Pelajaran dan bertanggungjawab untuk mencetuskan satu idealisme baru demi memajukan sekolah agama dan bagaimanakah caranya untuk merealisasikan hasrat itu. Tuan Syeikh Saad Bin Said menjadi setiausaha pada masa tersebut.

---

<sup>227</sup> PUK adalah singkatan nama bagi Persatuan Ulama Kedah.

<sup>228</sup> My Kedah.com, [http://www.mykedah2.com/10heritage/102\\_4\\_08.htm](http://www.mykedah2.com/10heritage/102_4_08.htm), 11 Disember 2010.

Dengan kebijaksanaan yang ada kepada Dato' Syeikh Abdul Halim, beliau telah berjaya mencantumkan beberapa buah sekolah agama di bawah Rancangan Persatuan Sekolah Ugama Rakyat yang mempraktikan satu sistem dan satu sukan pelajaran menggunakan teks serta kitab yang sama. Dato' Syeikh Abdul Halim telah memperkenalkan Kelas Latihan Guru atau "Normal Kelas" kepada guru-guru sekolah agama rakyat.<sup>229</sup>

Melalui PUK Dato' Syeikh Abdul Halim telah membantah Penyata Barnes (1950) yang cuba mengurangkan unsur-unsur Islam dalam matapelajaran di sekolah-sekolah. Tulisan Jawi dihapuskan dan ini merupakan ancaman kepada perkembangan pelajaran agama Islam. Persatuan Ulama Kedah telah membantah Penyata Barnes ini yang juga telah diperjuangkan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim.<sup>230</sup>

## **2.2 Majlis Fatwa Negeri Kedah**

Dato' Syeikh Abdul Halim telah meninggalkan Maktab Mahmud untuk menjadi pendaftar Sekolah-sekolah agama Negeri Kedah pada tahun 1954 sehingga 1966. Sebelum itu, jawatan tersebut telah disandang oleh Tuan Syeikh Ramli bin Haji Muhammad Saleh yang telah bersara.

Beliau seterusnya dilantik menjadi Yang DiPertua Jabatan Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Negeri Kedah merangkap pengurus Majlis Fatwa Negeri

---

<sup>229</sup>Abdul Majid bin Mohd Noor, Bekas Mufti Negeri Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

<sup>230</sup>*Ibid.*

daripada tahun 1966 sehingga beliau bersara didalam jawatan itu pada tahun 1969. Beliau dipanggil semula untuk menyambung tugasnya di Jabatan Agama Islam sehingga tahun 1971.<sup>231</sup>

Fatwa sangat penting dalam sejarah perundangan Islam kerana fatwa yang berdasarkan hujah, fakta dan dalil syarak akan diamalkan oleh umat Islam terutamanya di Kedah. Hasil fatwa inilah maka masyarakat Islam di negeri Kedah akan berpaut serta akan menjadi amalan seharian mereka kelak.

Fungsi utama jabatan ini adalah sebagai agensi yang menyelaras dan membangunkan fatwa yang mantap yang berpandukan al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan juga Qias yang berpegang kepada akidah *Ahli al-Sunnah Wa al-Jamaah*. Selain daripada itu, agensi ini juga turut berperanan untuk menyelesaikan kemosyikilan agama yang timbul di kalangan masyarakat khususnya di negeri Kedah di samping beberapa tugas lain seperti penentuan arah kiblat dan pengeluaran sijil tauliah mengajar agama Islam di Negeri Kedah.

Dato' Syeikh Abdul Halim adalah merupakan bekas pengurus Majlis Fatwa Negeri Kedah dari tahun 1967 hingga pada tahun 1973.<sup>232</sup> Selama lebih kurang enam tahun Dato' Syeikh Abdul Halim memegang jawatan pengurus Majlis Fatwa Negeri Kedah yang mana jawatan ini adalah setaraf dengan jawatan Mufti pada ketika itu. Ini adalah kerana di

---

<sup>231</sup> Portal Rasmi Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/biografipengerusi/dato-syeikh-abdul-halim-bin-osman>, 12 Disember 2010.

<sup>232</sup> Salwani binti Abdul Rahman, (2005), Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Kedah : Peranan dan Sumbangan Dalam Perkembangan Islam Di Kedah, Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 10.

negeri Kedah tidak wujud lagi jawatan mufti tersebut sehingga pada tahun 2000 barulah jawatan mufti ini diwujudkan di Kedah hingga sekarang ini.

Walaupun pada waktu Dato' Syeikh Abdul Halim memegang jawatan pengurus Majlis Fatwa ini dikatakan banyak juga fatwa-fatwa beliau yang dikeluarkan, namun begitu penulis tidak dapat mencari bahan-bahan tersebut kerana difahamkan bahawa segala dokumen tersebut yang berkaitan telah hilang dalam simpanan akibat daripada perpindahan tempat dan sebagainya.<sup>233</sup>

Ada yang telah memberikan pandangan, yang menyatakan bahawa fatwa-fatwa yang telah diberikan oleh Dato' Syeikh Abdul Halim ini melalui buah fikirannya, dan sudahpasti ini adalah melalui suatu proses keilmuan yang kena pada tempat serta orangnya. Dikatakan juga pihak istana amat senang dengan buah fikiran yang dilontarkan oleh beliau ketika diminta oleh pihak istana dalam sesuatu perkara. Namun begitu fatwa-fatwa ini hilang dalam simpanan jabatan yang menyelenggara ketika itu disebabkan banjir besar yang melanda negeri Kedah dan juga disebabkan oleh perpindahan tempat.<sup>234</sup>

Ya kita amat bersetuju apa yang diberitakan oleh ramai anak muridnya terutama Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid Md. Noor mengenai segala fatwa-fatwa beliau itu. Secara taktikalnya memang mempengaruhi masyarakat Islam negeri Kedah Darul Aman namun jika dapat diterjemahkan fatwa-fatwa itu dalam bentuk dokumentasi pastilah ianya

---

<sup>233</sup>Abdul Majid bin Mohd Noor, Bekas Mufti Negeri Kedah Temubual pada 25 November 2009.

<sup>234</sup>Ibid .

akan merancakkan lagi perkembangan serta pembangunan Islam di negeri Kedah Darul Aman.

### **3- SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PENULISAN ISLAM**

Dakwah Islam di negeri Kedah dimantapkan lagi dengan tumbuhnya institusi-institusi pendidikan Islam yang bercambah dan berselerak di negeri Kedah. Seiring dengannya juga maka lahirlah ramai ulama di negeri Kedah yang mengembangkan agama Islam dengan menggunakan wadah berceramah, bidang penulisan dan ramai yang membuka pondok dan sebagainya.

Dato' Syeikh Abdul Halim adalah salah seorang yang terlibat dalam menghasilkan karya-karya dalam bentuk tulisan dan juga penulisan dalam misi dakwahnya, bagi menyampaikan agama Islam di negeri Kedah pada waktu itu yang merupakan salah satu cara berdakwah yang akan membawa kejayaan.

Walaupun cara berdakwah Dato' Syeikh Abdul Halim dalam bidang sukan sudah mencapai kejayaan, begitu juga dalam bidang pendidikan sudah berjaya dan telah banyak mencapai kejayaan yang sangat membanggakan. Dalam bidang politik, beliau telah berjaya menubuhkan Persatuan Ulama Kedah, beliau telah membantah Penyata Barnes, dan beliau telah berjaya membantah Malayan Union, maka dalam bidang penulisan ini juga beliau telah berjaya menggunakan medium ataupun mekanisma menghasilkan karya dalam bentuk penulisan buku bersandarkan hasil pemikiran beliau yang kritis dan positif itu di persada masyarakat. Masa lapangnya dipenuhi dengan membaca buku- buku dalam bahasa Arab

dan membuat karangan-karangan di dalam bahasa Melayu untuk akhbar dan juga majalah.<sup>235</sup>

Dato' Syeikh Abdul Halim telah dapat menghasilkan sebanyak 3 buah karya<sup>236</sup> penulisan semasa hayatnya<sup>237</sup>.

### **3.1 Senarai Buku- buku Beliau.**

#### **3.1.1 Prinsip Rumahtangga Bahagia**

Buku ini ditulis dalam tahun 1985 dan telah diterbitkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.<sup>238</sup> Karya beliau ini banyak menceritakan mengenai perihal kekeluargaan, di samping beliau membincangkan bagaimana untuk membina sebuah institusi keluarga yang bahagia mengikut acuan agama Islam yang bertunjangkan al-Quran dan juga al-Hadith daripada Nabi Muhammad s.a.w.

---

<sup>235</sup> *Ibid.*

<sup>236</sup> Penulis pernah melihat ketiga-tiga buah hasil karya beliau yang telah ditunjukkan oleh Haji Muhamad Ismail bin Saleh, namun setelah kematian almarhum hanya sebuah karya sahaja yang dapat dihimpunkan oleh penulis.

<sup>237</sup> Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

<sup>238</sup> Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) ditubuhkan pada tahun 1974 untuk menyelaras dan menyatukan badan-badan dakwah dan membantu badan-badan ini supaya berperanan secara membina untuk pembangunan umat dan meningkatkan kefahaman Islam supaya masyarakat Islam memainkan peranan aktif dalam proses kemajuan. Sejak ditubuhkan YADIM mengalami perubahan dan perkembangan dasar dan pendekatan, sesuai dengan perubahan masa. Bagaimana pun tujuan dan matlamat YADIM tetap terpelihara. YADIM terus melibatkan diri dalam kegiatan dakwah mengikut keupayaannya.

### 3.1.2 Pedoman Hidup Muslim

Buku ini pula banyak memberikan pedoman dan juga panduan buat kehidupan seharian sebagai seorang muslim yang wajib mentaati Allah s.w.t beserta dengan suruhanNya dan juga meninggalkan laranganNya, agar dapat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan juga di akhirat.


Ianya juga menyentuh topik-topik yang memberikan kesedaran serta nasihat-nasihat yang sangat berguna bagi perjalanan kehidupan seseorang insan untuk mencapai keredhaan yang sebenarnya di sisi Allah s.w.t.

### 3.1.3 Islam Ke Arah Membina Kesejahteraan Ummah

Buku ini ditulis dalam tahun 1989, telah diterbitkan oleh Utusan Melayu (Malaysia) Berhad. Bahan bacaan ini, ataupun buku ini telah mengadaptasikan bahawa hanya agama Islam sahajalah yang dapat membina kesejahteraan ummah. Ummah sudahpastinya akan mendapat kebahagiaan dan juga kesejahteraan jika agama Islam adalah paksinya dan menjadi tunjangnya.

Jika manusia mencari selain daripada acuan yang telah diprogramkan oleh Allah s.w.t, maka pasti mereka akan tersesat jalannya, dan sudah pasti mereka akan hanyut dibawa arus yang kuat maka akhirnya mereka dengan sendirinya akan tenggelam.

Hasil Karya Dato Syeikh Abdul Halim Haji Othman



Sumber : Hasil Pemberian Tan Sri Khalid bin Abdullah

### **3.2    Ulasan Mengenai Buku Beliau**

Buku-buku hasil karya Dato' Syeikh Abdul Halim ini banyak menyentuh mengenai permasalahan masyarakat Islam. Buku- buku beliau ini banyak menyentuh tentang masyarakat Islam secara global tanpa beliau mengkhususkan hanya masyarakat Islam di negeri Kedah sahaja. Maka disini dapatlah kita membuat kesimpulan secara ringkas bahawa

Dato' Syeikh Abdul Halim amat peka dengan pemerkasaan pembangunan masyarakat Islam di Malaysia ini.

Beliau amat menyedari bahawa masyarakat Islam di Kedah khususnya dan masyarakat Islam di Malaysia amnya, mereka perlu diberi pendidikan yang secara berterusan mengenai hal-hal kekeluargaan. Beliau juga amat menitik beratkan dalam hal-hal keduniaan dan juga hal- hal yang mencakupi kebahagiaan akhirat yang akan kekal abadi. Maka jelaslah kepada kita bahawa beliau sesungguhnya amat peka dan juga sangat prihatin akan permasalahan diri, keluarga, masyarakat, agama, sosial dan juga negara.

Dengan komitmen dan komitednya beliau terhadap kepentingan dakwah Islam disebarluaskan, bermula dengan institusi kekeluargaan agar dimantapkan ilmu-ilmu agama Islam di dalam keluarga, sudahpasti kita semua amat bersetuju jika elemen-elemen agama sangat diambil kira dan juga dipasangkan di dalam sistem kekeluargaan.

Ini kerana beliau menyedari bahawa keharmonian agama akan bermula dengan keharmonian sistem kekeluarganya. Baik dalam keluarga maka agama pun begitu juga seterusnya akan menjurus kepada keharmonian Negara. Negara juga akan menerima impak dan kesan yang positif hasil daripada pendekatan agama serta keluarga. Sudahpasti kita juga akan bersetuju dengan beliau bahawa apabila keluarga, rumahtangga bahagia maka Negara akan makmur sejahtera jika agamalah yang menjadi panduannya, jika tidak maka sebaliknya pula yang akan berlaku.



### **3.3 Majalah**

Dalam bidang penulisan ini juga, Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman telah mencetuskan idea penulisan sebuah majalah yang diberi nama sebagai majalah *Ilham*. Majalah ini diterbitkan semasa hayat beliau menjawat jawatan sebagai pengetua Maktab Mahmud dan juga semasa beliau menjadi Pendaftar Sekolah-sekolah Agama Negeri Kedah.

Majalah ilham ini adalah satu-satunya majalah yang menjadi wadah perjuangan pelajar-pelajar Maktab Mahmud sendiri untuk mengasah bakat- bakat mereka untuk mempersiapkan diri sebelum terjun ke medan yang sebenar apabila tamat pengajian mereka kelak. Pada masa yang sama juga, majalah ilham ini sangat terkesan dari sudut penampilan serta pengisiannya kepada pelajar- pelajar bahkan kepada masyarakat di sekitarnya. Maka dengan hasil pemikiran Dato' Syeikh Abdul Halim bin Haji Othman terhasilah sebuah majalah yang berpotensi besar untuk melahirkan intelek dan bijak pandai Islam pada masa hadapan.

Ini telahpun dibuktikan apabila bekas pelajar-pelajar Maktab Mahmud, dengan hasil perjuangan beliau, dengan hasil kreativiti beliau, dengan cetusan minda oleh beliau maka pelajar-pelajar ini dapat menguasai sebahagian besar pentadbiran dan pembangunan Islam di dalam negeri Kedah sendiri ataupun diperingkat persekutuan. Bahkan ada di kalangan bekas pelajar Maktab Mahmud ini juga sangat mencontohi beliau dalam bidang penulisan seperti penulis juga contohnya.

Majalah Ilham



## اً حسَنَ الْهُدَى هُدِيَ اللَّهُ

خلق الله الناس من ماء مهين وجعلهم  
في أحسن تقويم ثم يتکاثرون وينتشرون  
في الأرض ويدبون فيها مر تزقين أرزا فاكثيرة  
التي منح الله اليهم رسلا وهم من ادمأ بي البشر  
حتى انتهى الى حبيب الله سيدنا محمد صلى  
الله عليه وسلم و كان محمد صلى الله عليه وسلم  
يهدى لهم الى الصراط المستقيم و يعلمهم ما في  
القرآن من الذكر الحكيم.

نشر محمد صلى الله عليه وسلم رسالة الاسلام بكل صدق و مهارة فأخرج الناس من  
الظلمات الى النور في لمح البصر و يدخل الناس في دين الله أفواجاو يطعون الله طاعة  
خالصة و يعبدونه ليلا نهارا و يعملون ما علمنهم القرآن و الحديث في حياتهم اليومية فصاروا  
خير أمة أخرجت للناس يأمرون بالمعروف و ينهون عن المنكر بينما يعيش الكفار  
كالحيوانات المفترسة لأنهم يتشاربون بعضهم بعضا و يحددون الله و رسوله و يسعون في  
الاعرض فسادا و ضلوا فيظلمة المحالكة ففسدت حياتهم و هلكت أخلاقهم و ترفقت راية  
الاسلام في مرتديهم حتى عجب الضالون على عظم دين الاسلام، ان الضالين والمضلين هم  
الفاسدون لا يقبلون دين الله لأن في قلوبهم مرض ادهم الله مرض أو لئكثهم الخاسرون.

وقد استغرب الاروبيون على حضارة الاسلام لأن العرب كانوا في صدر الاسلام  
يعيشون في ظلمة حالكة على غير هدى ولا مرشد و يقاتلون و يتحاربون من الاسباب القليلة  
ويقتلون البنات خوف الفقر والعار، و يجعلون الخمر والميسر حسنة من حسنات المجتمع  
بل كانوا يقضون حياتهم في الفحشاء والمنكر والبغى.

مر زمان فإذا الناس يهتدون بهداية الله ورسوله و يتمسكون بكتاب الله وسنته رسوله  
فترقى حياتهم و تتطور و يحبون العلم حباجما لأن العلم أساس التقدم والنجاح وبدونه  
يتاخر الانسان و يتراكه الزمن وربما يكون كالحيوان، فالاسلام يعحثنا على التعلم في  
كل ميدان من ميادين الحياة، وفي كل نوع من أنواع المعرفة وفي أي مكان من الامم  
حتى ولو كان في بلاد الصين النائية، وفي عهد الخلفاء العباسيين كان المنصور ثانى الخلفاء  
ال Abbasien حيث العلماء على تدوين العلم والكتاب في علوم مختلفة ولقد توفرت له الشروط  
اذا كان في عهده خلافته يوجد كثير من الائمه والاعلام النابعين، وفي أيامه أيسانشري  
ال المسلمين في نقل علوم الفرس واليونان كالفلك والطب والهندسة والفلسفة الى العربية

## Kata2 Aluan dari

### *Dato' Pengerusi Lembaga Maktab*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله والصلوة والسلام على سيدنا رسول الله وعلى اله وآل واصح

Bersempena dengan kelahiran "ILHAM" yang mengambil tempat "MAJALLAH AL-MA'HADIL MAHMUD" saya sebagai pendukung Maktab Mahmud ini ada-lah dengan penoh perasaan mengalu2kan kelahiran-nya dan menguchapkan tahniah di atas kejayaan Badan Persuratan Maktab Mahmud yang telah dapat mengeluarkan sabuah Majallah yang mencher-minkan serba sadikit 'amalan2 dan perkembangan2 yang di-chapai oleh pelajar2-nya di-dalam bidang pelajaran dan pendidekan, juga berterima kaseh di atas usaha badan ini dan keikhlasan-nya untuk menghidupkan semula dunia persuratan dengan subor-nya sa-sudah layu dan pudar dan terkulai di-hujong dahan beberapa ketika.

Ada-lah menjadi harapan saya semoga "ILHAM" akan menjadi penggerak dan penyedar jiwa supaya hidup dan bergerak bagi memelihara ugama Allah dari di-permain2kan oleh tangan2 yang chemar dan mengem-balikan kapada-nya kemuliaan dan kemegahan-nya.

Umat Islam tidak akan mulia dan gagah kechuali apabila mereka menchari kemuliaan dan kemegahan itu dengan berdampingkan diri kapada Allah, tiada ada perdampingan dan tiada ada pertolongan Allah melainkan dengan mengikuti telunjok Allah.

Tanggong-jawab kita ia-lah menyinarkan satiap sudut 'alam manusia ini dengan ubor iman dan yakin sahingga berkembang kesedaran berugama dan hidup-lah jiwa dengan subor-nya memimpin tiap2 sa-orang di-dalam sa-barang lapangan yang mana dewasa itu terhindar-lah daripada-nya segala rintangan2 yang meringtangi jalan dan bangun-lah umat Islam dengan kele-behan iman dan keperchayaan sebagai masharakat yang kukuh dan padu di-bawah naungan kechintaan dan saling mengerti serta pengerbanan2 yang jujor demi untuk kebaikan dan kesenangan bersama dan hanchor-lah segala anasir2 yang menyalakan pertikayan dan perpecahan dan sebab2 yang mendorongkan kapada mementingkan diri sendiri.

Di-waktu jiwa orang2 Islam menjadi perhati kapada mereka dan membuat segala perhitongan untuk mereka, di-masa jiwa mereka yang hidup menjadi sebagai undang2 yang mengawal mereka dari terlalai dari pada mengingati penchipta 'alam ini dan memelihara mereka dari tergelinchcher ka-dalam lembah kedurjanaan di-waktu ini-lah akan terchipta janji Allah ia-itu memberi perlindungan dan pertulungan kapada hamba2-nya yang mu'min".

### وكان حقا علينا نصر المؤمنين

Ada-lah menjadi harapan saya kapada "ILHAM" dan kapada Maja'llah2 yang sedang lahir dan yang akan lahir di-persada tanah-ayer kita dan kapada seluroh alat2 penerangan Radio, Teliveshen dan lain2 semuga bersunggoh2 usaha menyuarakan suara2 Islam dan menaborkan beneh2 iman dan yakin kapada Allah dan menyibarkan peribadi dan akhlak Quran mudah-mudahan lahir-lah sabuah dunia yang berjiwa kemanusiaan di-dalam ertikata yang sa-benar, sa-sunggoh--nya tiada ada dunia bagi mereka yang tiada menghidopkan ugama demikian bunyi-nya madah sa-orang pujangga Islam "MUHAMMAD IKBAL" dan "tiada akan bangun Negara Islam di-bumi Allah ini selagi tiada di-dirikan terlebih dahulu di-dalam jiwa" demikian maksod sabuah madah yang telah di-suarkan oleh sa-orang pemimpin Islam "MUHAMMAD HASSAN Al-BANNA."

Firman Allah di-dalam kitab suchi-nya :

الَّمَّا يَأْنَلِلَّذِينَ امْنَوْا أَنْ تَخْشُعَ قُلُوبُهُمْ لِذِكْرِ اللَّهِ وَمَانِزَلَ مِنَ الْحَقِّ وَلَا يَكُونُوا كَالَّذِينَ

أَوْتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِ فَطَالَ عَلَيْهِمُ الْأَمْدُ فَقَسَطَتْ قُلُوبُهُمْ وَكَثِيرٌ مِّنْهُمْ فَاسِقُونَ.

*Dato' Sheikh Abd. Halim Al-Haji Othman  
D. P. M. K., B. C. K.*

Sumber : Majalah Ilham 1968

## **SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG POLITIK**

Dalam tahun 1946 apabila Maktab Mahmud diberi nafas semula, setelah berada di bawah penguasaan tentera Jepun yang telah menjadikan Maktab Mahmud sebagai pusat gerakan mereka. Maka apabila Jepun telah kalah, kerajaan British telah menghidupkan semula fungsi Maktab Mahmud ini. Namun begitu, British telah menekankan konsep Malayan Union kepada seluruh negeri Melayu di Semenanjung. Guru-guru Maktab Mahmud telah membawa tajuk Malayan Union dalam perbincangan dengan orang-orang kampung melalui majlis *ihtifal* di sekolah-sekolah agama, di majlis Maulid Rasul dan kenduri kendara.<sup>239</sup>

Guru-guru di Maktab Mahmud telah menganjurkan satu perjumpaan meja bulat untuk mencambahkan buah fikiran di antara mereka sebagai mencari jalan bagaimana hendak melibatkan orang-orang Melayu dalam perjuangan menentang Malayan Union. Di antara guru-guru yang terlibat dalam perbincangan meja bulat ialah:

1- Dato' Syeikh Abdul Halim

Beliau sendiri sebagai Pengetua Maktab Mahmud yang menjadi Pengurus dan merupakan perancang utamanya,

2- Tuan Haji Othman Yusuf,

3- Ustaz Ismail Haji Said dan

4- Ustaz Ibrahim Bin Said,

5- Ustaz Ibrahim Bin Saleh,

---

<sup>239</sup> Wan Shamsuddin bin Mohd Yusof, pakar sejarah negeri Kedah, Temubual pada 3 Disember 2009.

- 6- Khalid Bin Abdullah (pelajar Maktab Mahmud dan sekarang Tan Sri),
- 7- Abdul Hamid Tahir (Pelajar).

Selain daripada guru dan juga pelajar Tingkatan Tinggi Maktab Mahmud, dijemput juga beberapa orang dari luar seperti:

- 1- Tuan Haji Muhamad Rejab Bin Mohd Darus, seorang ahli perniagaan
- 2- Encik Khir Johari, guru Kolej Sultan Abdul Hamid (kemudiannya menjadi Tan Sri)<sup>240</sup>.

Majlis bersetuju bahawa tindakan yang perlu pada masa itu ialah menyatupadukan orang-Melayu supaya hilang rasa kedaerahan, taraf hidup dan latarbelakang serta menganggap Tanah Melayu sebagai tanahair yang satu-satunya untuk dikongsi. Orang Melayu di kampung hendaklah disedarkan bahawa Malayan Union itu amat berbahaya kepada raja-raja Melayu, rakyat dan Agama Islam.<sup>241</sup>

---

<sup>240</sup> Beliau adalah bekas Menteri Pelajaran Malaysia, dan beliau juga adalah bekas anak murid Dato' Syeikh Abdul Halim. Tan Sri Mohamed Khir Johari (29 Januari 1923 - 19 November 2006) merupakan pemimpin veteran UMNO yang juga anggota Kabinet pertama kerajaan pimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Beliau dilahirkan di Kampung Kancut, Alor Setar, Kedah dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu di Jalan Bharu dan Sungai Korok sebelum melanjutkan pendidikan menengah di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar. Tan Sri Mohamed Khir pernah menjawat beberapa jawatan penting dalam politik termasuk menjadi Setiausaha Agung UMNO. Beliau dilantik menganggotai Kabinet kerajaan pimpinan Tunku Abdul Rahman sebagai Menteri Pelajaran Malaysia pertama negara pada tahun 1957. Beliau adalah antara anggota Kabinet kerajaan paling lama berkhidmat iaitu sejak 1950-an sebelum bersara pada tahun 1976. Beliau adalah satu-satunya tokoh yang namanya diabadikan sekurang-kurangnya di lapan buah sekolah diseluruh negara. Sekolah-sekolah itu ialah Sekolah Kebangsaan Khir Johari di Prai (Pulau Pinang), Kampung Melayu Majidee (Johor), Sungai Petani (Kedah), Sabak Bernam (Selangor) dan Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari Sungai Petani (Kedah), Tanjung Malim (Perak), Beranang (Selangor) dan Bagan Datoh (Perak). Allahyarham menghembuskan nafas terakhir pada 19 November 2006. Jenazah Allahyarham Tan Sri Mohd Khir dimandi dan dikafankan di Masjid Negara sebelum dikebumikan di perkarangan Makam Pahlawan mengikut Istiadat Pengebumian Pembesar Negara.

<sup>241</sup> Abdul Majid bin Mohd Noor, Bekas Mufti Negeri Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

Tuan Haji Muhamad Rejab<sup>242</sup> diberi tugas menghubungi Dato' Onn bin Jaafar<sup>243</sup> yang sedang memimpin Pergerakan Melayu Semenanjung di Johor supaya datang ke negeri Kedah memberi pandangan dan nasihat ke atas tindakan-tindakan yang akan diambil oleh orang di sini untuk menaikkan semangat dalam kerja- kerja membanteras Malayan Union. Beliau memberikan pendapat- pendapatnya kepada ahli- ahli meja bulat di rumah Tuan Haji Muhamad Rejab serta menambahkan semangat mereka untuk menganjurkan pergerakan menentang Malayan Union habis –habisan.<sup>244</sup>

Orang-orang lain yang turut sama terlibat di rumah Tuan Haji Muhamad Rejab selain daripada ahli- ahli meja bulat itu ialah sahabatnya Tuan Haji Hussein Che Dol,<sup>245</sup> yang merupakan seorang guru dan juga seorang ulama dari Guar Cempedak Kedah dan

---

<sup>242</sup> Tuan Haji Muhamad Rejab adalah merupakan sahabat kepada Dato' Syeikh Abdul Halim. Beliau juga di antara tenaga penggerak yang berjuang untuk menjatuhkan Malayan Union di Kedah.

<sup>243</sup> Dato Onn Jaafar (12 Februari 1895 - 19 Januari 1962). Beliau ialah pengasas dan Presiden Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Beliau dilantik sebagai Menteri Besar Johor pada 1 Oktober 1946 tetapi tiga tahun kemudian, meletakkan jawatan untuk menumpukan perhatiannya kepada UMNO. Beliau juga adalah pengasas kepada Parti Negara dan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP).

<sup>244</sup> Portal Rasmi Majlis Fatwa Malaysia, <http://www.e-fatwa.gov.my/biografi-pengerusi/dato-syeikh-abdul-halim-bin-osman>, 12 Disember 2010.

<sup>245</sup> Haji Hussain Che' Dol dilahirkan di Kampung Gajah Mati, Pendang, Kedah pada tahun 1904. Beliau datang daripada keluarga pondok di mana bapanya, Ismail Che' Dol merupakan tokoh ulama terkenal di Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal daripada bapanya selaku gurunya. Selepas itu, beliau mendalami pengajian di selatan Siam dan telah berguru dengan Haji Abdullah Chauk, Patani. Selepas empat tahun mendalami ilmu di Siam, beliau pergi ke Mekah. Semasa di Mekah, beliau telah jatuh sakit dan disebabkan keuzuran itu, beliau kembali ke tanahair lalu menyambung pengajian di Pondok Chauk, Patani. Haji Hussain Che' Dol pernah membuka pondok sendiri di Guar Cempedak, Kedah dan memimpin pelajar yang datang daripada pelbagai tempat di seluruh Tanah Melayu. Beliau meneruskan kerjayanya sebagai guru di pondok bapanya iaitu di Gajah Mati. Selepas itu, beliau berhijrah ke Kampung Paklat, Bangkok sambil berdakwah kepada masyarakat Islam di sekitar Bangkok selama tiga tahun. Kemudiannya, beliau kembali ke Gajah Mati untuk mengembangkan syiar Islam. Pada tahun 1930-an, beliau dikenali sebagai qari terkemuka di Kedah. Beliau juga merupakan seorang pemidato yang baik, terutamanya dalam menyampaikan ceramah agama. Beliau telah membuka pondok sendiri yang diberi nama Madrasah al-Akhlaq al-Islamiah di Guar Cempedak. Haji Hussain merupakan seorang ulama yang mahir dalam ilmu Fekah serta mahir bercakap Bahasa Inggeris. Beliau mempelajari Bahasa Inggeris daripada seorang guru iaitu Che Maidin yang berasal dari Perak. Beliau merupakan seorang ulama dan pemimpin ulung yang bukan sahaja berjuang menegakkan keagungan dan kesucian Islam malahan turut membangunkan kesedaran umat dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Pada 12 Mei 1967, Warta Negara melaporkan mengenai pemergian Haji Hussain Che' Dol ke rahmatullah.

beberapa orang lagi daripada Persatuan Melayu Semenanjung. Di antara pemuda terdapat beberapa orang pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid seperti:

- 1- Mahathir Mohamad (Tun Dr Mahathir Mohamad bekas PM Malaysia yang ke-4)<sup>246</sup>
- 2- Khalid Awang Osman (Allahyarham Tan Sri)<sup>247</sup>
- 3- Mohamad Jamil (Allahyarham Tan Sri di Kementerian Pertanian )<sup>248</sup>
- 4- Mohamad Zahir Ismail ( Tun iaitu bekas Speaker Dewan Rakyat)<sup>249</sup>
- 5- Mohamad Khir Awang ( Tan Sri ) yang sebahagian daripada mereka ini adalah anak murid kepada Dato' Syeikh Abdul Halim sendiri.

Dengan dorongan dan juga rangsangan Dato' Syeikh Abdul Halim dan Tuan Haji Othman Yusuf serta beberapa orang guru lain, pelajar- pelajar dari Maktab Mahmud dan Kolej Sultan Abdul Hamid telah bekerja keras siang dan malam memasuki kampung-kampung memberikan ceramah dan syarahan di masjid, surau, majlis *ihtifal*, majlis Maulid, kenduri kendara dan juga di dalam sebarang perhimpunan untuk menyedarkan orang Melayu supaya menentang Malayan Union.

Di samping itu, mereka juga telah menulis surat kepada orang perseorangan meminta simpati kepada perjuangan yang sedang dilancarkan. Mereka telah menulis dan

<sup>246</sup> Tun Dr. Mahathir bin Mohamad dilahirkan pada 20 Disember 1925). Beliau amat popular dengan gelaran "Dr. M" dan nama pena beliau adalah Che Det. Beliau merupakan Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Ketika penggal kepimpinannya dari 16 Julai 1981 sehingga 31 Oktober 2003, beliau menerajui Malaysia ke arah arus kemodenan dengan pantas dan memberi kemakmuran di setiap lapisan masyarakat Malaysia.

<sup>247</sup> Beliau merupakan salah seorang bekas pelajar Kolej Sultan Abdul Hamid Alor Setar.

<sup>248</sup> *Ibid.*

<sup>249</sup> Tun Zahir telah dilahirkan di Kedah Darul Aman pada 19 Mac 1924. Beliau telah mendapat pendidikan awal di Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar dan telah meneruskan pengajian di Lincoln's Inn, London sehingga memperolehi Ijazah Undang-Undang pada tahun 1955. Selain itu, beliau juga merupakan pemegang diploma dalam bidang kewartawanan. Tun Zahir merupakan peguam Melayu pertama di negeri ini yang memperolehi ijazah Barrister-at-Law dari Lincoln's Inn, London pada tahun 1955. Beliau juga merupakan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia (1982-2006).

menampal poster- poster anti Malayan Union di bandar dan di kampung- kampung sambil menyemarakkan semangat orang- orang Melayu.<sup>250</sup>

Kumpulan pelajar Maktab Mahmud dan Kolej Sultan Abdul Hamid telah mendapat sokongan dan kerjasama erat daripada guru- guru sekolah Melayu, pegawai- pegawai rendah kerajaan dan juga penghulu- penghulu serta alim ulama. Di antara guru- guru yang amat aktif memasuki kampung- kampung ialah Cikgu Saidin Yahaya, Cikgu Rashid Mehad dan Ustaz Nawawi Ahmad.<sup>251</sup>

Tindakan- tindakan Dato' Syeikh Abdul Halim secara langsung atau tidak langsung di belakang setiap pergerakan menentang Malayan Union dan membangkitkan semangat orang Melayu dianggap sebagai “politik”. Malahan kepada setengah- setengah pihak yang bersyarah atau membuat ucapan itu adalah kerja politik haram yang dilakukan oleh pegawai kerajaan, namun ianya tetap berjalan seperti mana yang dirancang oleh Dato' Syeikh Abdul Halim.<sup>252</sup>

Tuan Haji Mohamed Syeriff, Setiausaha kerajaan negeri Kedah telah menghubungi Dato' Syeikh Abdul Halim di Maktab Mahmud mencadangkan bahawa tindakan yang sebaiknya ialah untuk orang Melayu bersyukur kerana British telah kembali memerintah Tanah Melayu dan adakah kita mahu pengalaman tiga tahun lapan bulan di bawah Jepun dan Siam berulang semula.<sup>253</sup>

---

<sup>250</sup> Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah negeri Kedah 1999. Temubual pada 2 Oktober 2008.

<sup>251</sup> *Ibid*

<sup>252</sup> *Ibid*

<sup>253</sup> *Ibid*

Dato' Syeikh Abdul Halim mengambil jalan tengah kerana memelihara kepentingan Maktab Mahmud sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi Agama Islam Kerajaan Negeri Kedah, dengan cara berbaik- baik dengan Sekretariat tetapi tidak pernah menegah serta milarang guru- guru dan juga pelajar- pelajarnya bergiat aktif terus menentang Gagasan Malayan Union ini.<sup>254</sup>

Bagi Dato' Syeikh Abdul Halim, Maktab Mahmud amatlah penting kepada masyarakat Islam di negeri Kedah dan beliau terpaksa berhati- hati agar Maktab Mahmud tidak diganggu gugat atau disekat peranannya sebagai sebuah institusi ilmu pengetahuan agama, pada masa yang sama juga berperanan memikul tanggungjawab dan juga amanah menanamkan semangat cintakan tanahair dan memelihara kepentingan politik yang amat diperlukan oleh negara.<sup>255</sup>

Oleh kerana Dato' Syeikh Abdul Halim yang pernah menimba ilmu di Mesir dari tahun 1927 sehingga tahun 1937, beliau telah melihat dan merasai sendiri pergolakan politik negara Mesir, yang bertungkus lumus untuk merdeka daripada cengkaman penjajahan Inggeris dan beliau benar -benar faham dengan sikap dan karenah Inggeris dalam percaturan politik dunia.<sup>256</sup>

Guru- guru di Maktab Mahmud yang bergiat aktif bersyarah di kampung-kampung ditahan gaji dan tidak diberi sebarang peluang untuk kenaikan pangkat. Ustaz Haji Othman

---

<sup>254</sup> *Ibid*

<sup>255</sup> *Ibid*

<sup>256</sup> *Ibid*

Yusuf,<sup>257</sup> Ustaz Ismail Haji Said<sup>258</sup> dan Ustaz Ibrahim Said<sup>259</sup> (menantu Tuan Haji Muhamad Rejab) hanya menerima gaji daripada Perbendaharaan Negeri akibat daripada menerima sekatan daripada kerajaan British.<sup>260</sup>

Tuan Haji Mohamad Syeriff, menghantar pengintip setiap hari ke Maktab Mahmud memerhati kegiatan guru dan murid di sana. Pengintip-pengintip gagal mendapatkan sebarang maklumat kerana Dato' Syeikh Abdul Halim telah memerintahkan agar semua guru dan juga murid bercakap dengan menggunakan bahasa Arab dalam semua perhubungan komunikasi mereka. Kegiatan menggunakan bahasa Arab sengaja dilancarkan apabila mereka menyedari ada orang luar di kalangan mereka.<sup>261</sup>

Tuan Haji Mohamad Syeriff menghantar pula seorang Pak Haji yang baru balik dari Mekah dan fasih berbahasa Arab untuk melakukan kerja mengintip. Pelajar- pelajar telah bergaul baik dengan Pak Haji ini dan memungut wang sama sendiri untuk membeli cucur badak dan kopi ‘O’ kepada Pak Haji yang mereka hormati ini. Pelajar- pelajar berjaya mengutip beberapa rahsia daripada beliau dan akhirnya dia berkata “Buatlah apa yang anta semua nak buat, ana pun orang Melayu!”.<sup>262</sup>

Bagaimanapun, guru dan murid di Maktab Mahmud mengadakan perjumpaan hanya di bilik yang tertutup dan berkunci. Tuan Haji Mohamad Syeriff gagal mendapat sebarang

---

<sup>257</sup> Salah seorang bekas guru di Maktab Mahmud Alor Setar Kedah.

<sup>258</sup> *Ibid*

<sup>259</sup> *Ibid*

<sup>260</sup> *Ibid*

<sup>261</sup> *Ibid*

<sup>262</sup> *Ibid*

maklumat, sedangkan kegiatan memberi kesedaran kepada orang Melayu menentang Malayan Union bertambah hebat.

Pada masa ini guru-guru sekolah Melayu sedang bergiat aktif di dalam "SEBERKAS"<sup>263</sup>. Di antara guru yang aktif pada waktu ini ialah:

- 1- Cikgu Balqis Abdullah<sup>264</sup>
- 2- Cikgu Senu Abdul Rahman ( Tan Sri)<sup>265</sup>
- 3- Cikgu Abdul Hamid Abdullah.<sup>266</sup>

Di antara pegawai-pegawai kerajaan yang menyokong pergerakan menentang Malayan Union ialah:

- 1- YTM Tunku Abdul Rahman Putra al- Haj<sup>267</sup>
- 2- Encik Khir Haji Awang<sup>268</sup>
- 3- Encik Wan Din Hashim<sup>269</sup>
- 4- Encik Yob Abdullah<sup>270</sup>
- 5- Encik Khir Segara<sup>271</sup>

---

<sup>263</sup> Syarikat Kerjasama Am Saiburi ataupun "SEBERKAS" telah ditubuhkan pada tahun 1944.

<sup>264</sup> Salah seorang guru yang terlibat menentang Malayan Union.

<sup>265</sup> Tan Sri Senu b. Abdul Rahman dilahirkan pada 10 Oktober 1919 di Jitra, Kedah. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Jitra pada tahun 1927. Beliau melanjutkan pelajaran di Maktab Perguruan Tanjung Malim (Maktab Perguruan Sultan Idris) pada tahun 1937 dan seterusnya melanjutkan pelajaran dalam bidang Sains Politik di Universiti of California, Los Angeles (UCLA) pada tahun 1948 dan memperolehi Ijazah Sarjana Sastera (Sains Politik) pada 1954. Beliau adalah Menteri Penerangan dan Penyiaran yang pertama (1964).

<sup>266</sup> Salah seorang guru yang terlibat menentang Malayan Union.

<sup>267</sup> Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Shah (8 Februari 1903 – 6 Disember 1990). Beliau merupakan Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955, dan Perdana Menteri Malaysia yang pertama sejak kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga 1970. Pembentukan Malaysia pada tahun 1963 merupakan salah satu daripada pencapaianya yang teragung. Biasanya dikenali sebagai "Tunku". Beliau juga dikenang sebagai "Bapa Kemerdekaan" dan "Bapa Malaysia".

<sup>268</sup> Salah seorang bekas pegawai kerajaan negeri Kedah.

<sup>269</sup> *Ibid*

<sup>270</sup> *Ibid*

- 6- Tuan Syed Omar Syahabudin ( Tan Sri). Tan Sri Dato' Syed Omar<sup>272</sup> asalnya ditarik ke dalam politik oleh Tuan Haji Muhamad Rejab dan beliau telah dinafikan peluang-peluang untuk kenaikan pangkat dan sebagainya.

Angkatan muda daripada kalangan pelajar Sekolah Arab dan Sekolah Inggeris dengan guru- guru Melayu dan pegawai- pegawai rendah telah berjaya mengumpulkan lebih daripada lima puluh ribu orang manusia di Padang Court, Alor Setar dalam satu rapat umum raksasa menunjukkan perasaan menentang Malayan Union kepada dua orang wakil Parlimen Inggeris iaitu R. O Winstedt<sup>273</sup> dan juga Frank Swettenham<sup>274</sup> yang datang ke Alor Setar pada 5 Jun 1946.<sup>275</sup>

Pada hari yang sama Dato' Onn bin Jaafar pun turut hadir sama dalam majlis itu dan telah memberikan ucapan. Beliau telah menyebut dalam ucapannya bahawa orang-orang Melayu di Kedah ialah tulang belakang orang-orang Melayu di seluruh Semenanjung dalam perjuangan untuk bersama-sama menentang Malayan Union.<sup>276</sup>

---

<sup>271</sup> *ibid*

<sup>272</sup> *ibid*

<sup>273</sup> Sir Richard Olaf Winstedt (2 Ogos 1878M - 2 Jun 1966), atau juga dikenali sebagai R. O. Winstedt, merupakan pengkaji Timur Inggeris dan pentakbir koloni dengan kemahiran Malaya British.

<sup>274</sup> Sir Frank Athelstane Swettenham (1850M - 11 Jun 1946) ialah seorang Residen-Jeneral pertama untuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (kini sebahagian daripada Malaysia) antara 1 Julai 1896M hingga 1901. Beliau merupakan salah seorang daripada hampir empat puluh orang pegawai empayar British yang menentang Malayan Union. Disebabkan pengalamannya di Tanah Melayu, Swettenham mencipta kamus "Perbendaharaan kata bahasa Inggeris-bahasa Melayu" ("Vocabulary of the English and Malay languages") serta menerbitkan dua buah buku, iaitu "Keterangan-keterangan Ringkas Melayu" ("Malay Sketches") dan "Surat-surat Tanpa Alamat" ("Unaddressed Letters"). Beliau dilahirkan di Belper, Derbyshire, England sebagai anak ke-4 James Oldham Swettenham. Swettenham menjadi kadet Perkhidmatan Awam Negeri-Negeri Selat pada tahun 1870M. Beliau tiba di Singapura pada Januari 1871M. Beliau lulus dalam peperiksaan akhir pengajian Melayu pada Julai 1872 dan menjadi Penolong Pemungut Hasil Tanah.

<sup>275</sup> Abdul Majid bin Mohd Noor, Bekas Mufti Negeri Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

<sup>276</sup> *Ibid*

Di antara lagu yang dilaungkan oleh pelajar-pelajar pada hari perarakan menentang Malayan Union ialah:<sup>277</sup>

Oh bangsa kami Melayu handalan,  
Hendaklah kita bersatu simpulan,  
Menyatu kebangsaan ambil kawalan,  
Kerana watan hidup berkekalan...!

Dato' Paduka Syeikh Abdul Majid bin Md. Noor, yang merupakan anak murid Dato' Syeikh Abdul Halim telah berkata bahawa, sesungguhnya Dato' Syeikh Abdul Halim ini sangat berfikiran jauh dalam berfikir, dalam melontarkan buah fikirannya demi untuk melihat dan mengembangkan lagi syiar, dakwah, pendidikan agama Islam dan sebagainya demi untuk mencapai kejayaan dan akan tercapai walaupun sesuatu perkara itu hanyalah diperingkat perbincangan sahaja.<sup>278</sup> Sebagai contohnya, Dato' Syeikh Abdul Halim berbincang dan merancang untuk melaksanakan sesuatu perkara, beliau pasti akan melakukan serta melaksanakannya hingga mencapai kejayaan biarpun kejayaan itu bergerak dengan perlahan. Dan perkara ini telah berlaku apabila beliau memperjuangkan agar di bina sebuah surau, perpustakaan serta makmal sains di Maktab Mahmud dan ianya telah diwujudkan, maka hasilnya dapatlah dirasai oleh generasi Maktab Mahmud sehingga kini.

Dato' Syeikh Abdul Halim adalah merupakan seorang ulama yang berpandangan jauh, berwawasan dalam apa jua tindakannya, penuh dengan cita-cita tinggi, berjiwa besar,

---

<sup>277</sup> Muhamad Ismail bin Saleh, Tokoh Sejarah Negeri Kedah 1999, Temubual pada 2 Oktober 2008.

<sup>278</sup> Abdul Majid bin Mohd Noor, Bekas Mufti Negeri Kedah, Temubual pada 25 November 2009.

berdisiplin dalam apa jua bidang yang akan dilaksanakan, komited dalam segala perkara yang diamanahkan kepadanya.<sup>279</sup>

---

<sup>279</sup> Ghazali bin Yaacob , Setiausaha Zakat Negeri Kedah, Temubual pada 29 November 2009.